



BULETIN

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS






KOLEKSI BULETIN

2020



2019



2018



**SIDANG PENGARANG
BULETIN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS
BIL.1/2021**

Penasihat

Tuan Haji Azman Shah bin Ismail
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis

Penyelaras

Encik Mohd Rosli bin Mohd Nor

Ketua Editor

Puan Faiizah binti Md Arshad

Editor

Puan Nor Arbainah binti Abdullah
Cik Siti Afiqah binti Mohammad Sabri
Encik Muhammad Hilmi bin Che Hamzah

Sidang Pengarang Buletin Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua unit di JAS Perlis yang menjayakan penerbitan Buletin Bil.1/2021.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi Buletin JAS Perlis
Unit Pendidikan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis
Tingkat 2, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar, Perlis

Tel : 04-9793100
Faks : 04-9772822

PERUTUSAN PENGARAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

ISI KANDUNGAN

- KUNJUNGAN HORMAT KE JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS ms 05
- PROGRAM PENGHIJAUAN PEJABAT ms 06
- KESEDARAN ALAM SEKITAR: SEKOLAH LESTARI
- PENGHARGAAN PRESTASI KEWANGAN CEMERLANG ms 06
- MESYUARAT PEMATUHAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN (IWK) DI NEGERI PERLIS ms 07
- MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI RASUAH PERINGKAT JAS PERLIS BIL 1/2021 ms 07
- MAJLIS PELANCARAN OPS GEMPUR ms 08
- OPERASI GEMPUR ms 09
- OPERASI TAHUN BARU CINA 2021 ms 10
- OPERASI OPS LEMBANGAN ms 11
- PEMANTAUAN UDARA MENGGUNAKAN DRON ms 13
- RONDAAN PEMANTAUAN SELEPAS WAKTU PEJABAT ms 14
- OPERASI PENGUATKUASAAN HOTSPOT PEMBAKARAN TERBUKA ms 14
- OPERASI BERSEPADU (OPS GERAK) JAS PERLIS ms 15
- OPERASI CATAT DAN KAMERA VIDEO ms 16
- HARI PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK ms 17
- SEKOLAH LESTARI—ANUGERAH ALAM SEKITAR ms 18
- PROGRAM CERAMAH ALAM SEKITAR ms 19
- SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERLIS 2021 ms 20

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya sekali lagi Buletin Jabatan Alam Sekitar Perlis 2021 dapat menemui pembaca khususnya warga Jabatan Alam Sekitar dan masyarakat di luar sana.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Sidang Pengarang serta semua pihak yang bersama-sama dalam menerbitkan buletin ini. Penghargaan yang tidak terhingga dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas bantuan dan dorongan sehingga buletin Jabatan Alam Sekitar Perlis dapat diterbitkan dengan jayanya.

Saya mewakili Sidang Pengarang Buletin Jabatan Alam Sekitar Perlis memohon ampun dan maaf andai terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kandungan buletin ini. Saya berharap pembaca akan mendapat manfaat, idea dan pengalaman daripada buletin ini. Harapan saya agar tahun-tahun seterusnya seluruh warga JAS Perlis akan dapat memberi lebih komitmen dan sumbangan bagi memantapkan JAS sebagai agensi penguatkuasa alam sekitar yang berjaya. Sesungguhnya segala yang baik datangnya dari Allah dan kekurangan dari pihak kami sendiri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Azman Shah Bin Ismail

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis

KUNJUNGAN HORMAT KE JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERLIS

17 JANUARI 2021 | SABTU — KANGAR

Sesi pertemuan antara Pengarah JAS Perlis, YBrs. Tuan Haji Aman Shah bin Haji Ismail dan Pengarah JPN Perlis, YBrs En. Naharudeen bin Othman telah diadakan di pejabat Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perlis.

Dalam sesi kunjungan tersebut beberapa isu telah dibincangkan khususnya dalam pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada para pelajar dan warga sekolah khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Antaranya adalah program penganugerahan Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar, program satu kelas satu pokok serta program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik.

Adalah menjadi harapan Jabatan Alam Sekitar agar aktiviti dan program kesedaran alam sekitar akan terus disemai dan dipupuk agar kecintaan dan kasih sayang kepada alam sekitar akan terus disemat kepada semua warga sekolah.



PROGRAM PENGHIJAUAN PEJABAT JAS PERLIS

25 JANUARI 2021 | ISNIN — KANGAR



Bagi menyokong usaha penghijauan yang telah dilancarkan di seluruh negara, JAS Perlis telah mengam- bil inisiatif dengan memastikan setiap pegawai mempunyai satu pokok di ruang kerja masing-

masing. Selain daripada aspek keindahan dan keceri- aan di tempat kerja, diharap pokok-pokok yang ditanam juga boleh menjadi terapi mata dan minda dalam mengurangkan tekanan se- masa bekerja. Oksigen da- ripada tumbuhan yang ditanam juga diharapkan dapat meningkatkan lagi memori dan juga kesihatan mental seterusnya mengelakkan masalah kemurungan.

Penanaman tumbuhan hijau ini bukan sahaja mampu memberi peredaran udara yang lebih segar di dalam pejabat bahkan ia boleh membantu

mengurangkan kesan cuaca panas. Program ini telah dilancarkan di JAS Perlis ber- mula 25 Januari 2021, dan program ini telah mendapat sokongan para pegawai JAS Perlis dengan mula membawa pokok atau tumbuhan hijau bagi menceriakan ruang kerja masing-masing.

Program yang dimu- lakan sepanjang tahun 2021 ini diharap akan dapat diteruskan dengan penghi- jauan di kawasan ruang guna sama yang lain secara berper- ingkat-peringkat agar manfaat dari pokok atau tum- buhan hijau ini akan turut



PENGHARGAAN PRESTASI KEWANGAN CEMERLANG

27 JANUARI 2021 | RABU — KANGAR



Tahniah Jabatan Alam Sekitar Perlis atas pencapaian Prestasi Cemerlang Prestasi Pem- bayaran Bil tahun 2020. Satu pengiktirafan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat kepada Jabatan Alam Seki- tar Negeri. Sesi penyam- paian sijil telah diadakan secara ringkas dan telah disampaikan oleh Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Perlis kepada Wakil Pegawai Kewangan.

Warga Jabatan Alam Sekitar Perlis terus komited untuk memastikan semua prosedur kewangan sentiasa dipatuhi setiap masa.

MESYUARAT PEMATUHAN LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN (IWK) DI NEGERI PERLIS

25 MAC 2021 | KHAMIS — KANGAR


Satu mesyuarat berkaitan Pematuhan Loji Kumbahan oleh pihak IWK telah diadakan di JAS Negeri Perlis. Mesyuarat ini adalah susulan mesyuarat terdahulu yang diadakan pada 11 Jun 2020 bagi pemberitahuan status semasa. Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Pengarah, Tuan Haji Azman Shah Ismail dan melibatkan pembentangan status terkini oleh pihak Indah Water Konsortium, Tuan Ir. Hussain Haji Omar.

Antara perkara yang dibincangkan adalah pematuhan terhadap 53 loji kumbahan dibawah seliaan pihak IWK dan juga beberapa penambahbaikan dan peningkatan kecekapan terhadap 53 loji berkenaan kepada para 1. Pihak IWK juga berjanji akan sentiasa bekerjasama dan memberi komitmen bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta pemeliharaan alam sekitar.



MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI RASUAH PERINGKAT JAS PERLIS BIL 1/2021

5 FEBRUARI 2021 | KHAMIS — KANGAR



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Peringkat Negeri Perlis Bil 1/2021 pada 5 Februari 2021 secara atas talian melibatkan pegawai kanan Jabatan.

Mesyuarat memfokuskan agenda yang telah ditugaskan oleh JAS Ibu Pejabat dan meneliti lebih lanjut Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP) untuk tindakan susulan.

Besarliah harapan supaya semua usaha-usaha yang dilakukan ini dapat meningkatkan integriti dan professional semua kakitangan Jabatan Alam Sekitar Perlis.

MAJLIS PELANCARAN OPS GEMPUR JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 2021

19 Januari 2021 | Selasa - Kangar, Perlis



O

Ops Gempur merupakan satu pendekatan penguatkuasaan yang perlu dilaksanakan secara berkala setiap bulan oleh JAS Negeri mulai bulan Julai pada tahun 2020.

Objektif Ops Gempur ini adalah untuk memastikan pihak industri khususnya sentiasa bersedia untuk mematuhi perundangan alam sekitar dalam menjalankan operasi premis. Selain itu, ianya juga menunjukkan keseriusan Jabatan dalam membenters dan mengambil tindakan perundangan kepada mana-mana pihak yang melanggar perundangan alam sekitar.

Pada tahun ini, Ops Gempur diteruskan dengan sasaran pelaksanaan setiap bulan. Premis yang disasarkan adalah PYBDT industri dan bukan industri iaitu sebanyak 384 pemeriksaan bermula dari bulan Januari sehingga Disember 2021.

Majlis gerak kerja hari ini turut dihadiri YB Tuan Teh Chai Aan selaku Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi portfolio Sumber Asli, Alam Sekitar Kesihatan, Bioteknologi & Teknologi Hijau. Beliau turut menyampaikan amanat, nasihat, halatuju kerajaan negeri dalam perspektif alam sekitar serta menyampaikan

penghargaan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa.

Pelaksanaan Ops ini telah mengambilkira SOP, arahan dan langkah-langkah keselamatan atau kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Alam Sekitar Malaysia.



OPERASI GEMPUR JAS PERLIS

JANUARI—MAC 2021

Sebanyak tiga (3) siri Operasi Ops Gempur kali telah diadakan pada suku tahun pertama 2021 ke atas premis-premis yang terletak di negeri Perlis. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 6 orang yang dibahagikan kepada 2 kumpulan.

Hasil operasi kali ini telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 30 premis dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapangan sebanyak 30 dan satu Notis Arahan.

Diharapkan dengan Ops Gempur ini dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan dapat meningkatkan pematuhan sendiri oleh semua pihak khususnya industri supaya operasi di premis mereka adalah sentiasa mengikut kehendak perundangan dan memastikan kepentingan alam sekitar diberi perhatian serius oleh pihak-pihak yang berkenaan.



16 MAC 2021 | SELASA — BUKIT KATERI



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan Operasi Bersepadu bersama-sama agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di sekitar kawasan Perindustrian Bukit Keteri. Antara agensi yang hadir adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis, Jabatan Pertanian, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Negeri Perlis.

Operasi yang dijalankan ini memfokuskan pelbagai kesalahan yang berlaku yang dilakukan oleh premis sekitar mengikut bidangkuasa masing-masing. Kesepakatan dan muafakat yang ditunjukkan antara agensi menunjukkan komitmen tinggi dalam menyelesaikan pelbagai masalah rakyat yang dihadapi. Semoga kerjasama erat ini terus mantap dan diperkukuhkan lagi.

OPERASI TAHUN BARU CINA 2021 JAS NEGERI PERLIS BAGI MENCEGAH PENCEMARAN SEMPENA MUSIM PERAYAAN

11-14 FEBRUARI 2021 | PADANG BESAR



Operasi Tahun Baru Cina 2021 ini telah diadakan pada 11 Februari 2021 sehingga 14 Februari 2021 ke atas premis-premis yang terletak di kawasan lembangan Sungai Perlis yang mana menghasilkan buangan terjadual dan efluen perindustrian. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 6 orang anggota penguatkuasa. Hasil operasi kali ini telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 6 premis dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapangan sebanyak 6. Pemerhatian dan tinjauan mendapati kebanyakan premis industri dan perniagaan ditutup sempena Tahun Baru Cina.

Program rondaan di premis-premis yang terletak di kawasan yang berisiko juga telah dilaksanakan iaitu di kawasan Industri Kuala Perlis, Jejawi, Pauh Putra, Bukit Keteri dan Padang Besar. Selain itu, rondaan juga turut dilakukan terhadap premis-premis industri serta tapak projek EIA untuk memantau aktiviti-aktiviti yang mencurigakan seperti pelepasan efluen tidak terawat, pembakaran terbuka, pelupusan haram buangan terjadual dan lain-lain aktiviti yang berisiko mencemarkan alam sekitar berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Selain daripada pemeriksaan premis, pemantauan secara aerial surveillance menggunakan drone juga telah dilaksanakan di tiga (3) kawasan premis industri yang bertujuan mengenalpasti sebarang aktiviti yang mencurigakan atau sebarang pelepasan pencemaran yang tidak normal di kawasan sasaran dan jajaran Lembangan sungai Perlis.



OPS LEMBANGAN JAS NEGERI PERLIS

JANUARI—MAC 2021



Sebanyak 3 siri operasi Ops Lembangan telah diadakan sepanjang suku tahun pertama 2021 iaitu pada:

- i. 25 Januari sehingga 27 Januari 2021 (Kangar)
- ii. 16 Februari sehingga 18 Februari 2021 (Padang Besar); dan
- iii. 23 Mac 2021 sehingga 25 Mac 2021 (Chuping).

Ketiga-tiga operasi ini telah dijalankan ke atas premis-premis yang terletak di kawasan lembangan sungai Perlis yang mana menghasilkan buangan terjadual dan efluen perindustrian. Ops ini melibatkan keseluruhan tenaga bahagian penguatkuasaan JAS Negeri Perlis seramai 6 orang anggota penguatkuasa.

Hasil operasi kali ini telah berjaya membuat pemeriksaan ke atas 57 premis dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap premis adalah Arahan Lapangan sebanyak 56 dan tiga (3) Notis Arahan.

Diharapkan Ops Lembangan ini serta tindakan penguatkuasaan yang dijalankan dapat mengenalpasti punca-punca pencemar baru dan meningkatkan pematuhan sendiri oleh semua pihak khususnya industri supaya operasi di premis mereka adalah sentiasa mengikut kehendak perundangan dan memastikan kepentingan alam sekitar diberi perhatian serius oleh pihak-pihak yang berkenaan. Selain itu, operasi ini juga bertujuan memberikan pendedahan kepada orang ramai bahawa kawalan alam sekitar adalah di bawah bidang kuasa pelbagai agensi penguatkuasaan samada di peringkat Persekutuan atau Negeri. Siri penguatkuasaan akan terus dijalankan sepanjang masa.



OPS LEMBANGAN JAS NEGERI PERLIS



PEMANTAUAN UDARA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS MENGGUNAKAN DRON BUKIT KETERI, PERLIS



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan pemantauan udara di Kawasan Perindustrian Bukit Keteri, Perlis. Pemantauan ini dijalankan secara berterusan bagi keseluruhan kawasan-kawasan industri di Perlis.



RONDAAN PEMANTAUAN SELEPAS WAKTU PEJABAT

30 JANUARI 2021 | SABTU — KANGAR

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis terus komited mengadakan pemantauan, pemeriksaan dan penguatkuasaan. Pemantauan telah diadakan pada 30 Januari 2021 dan 9 Februari 2021 bermula jam 3.00 petang hingga 08.00 malam. Ia bertujuan untuk memantau aduan seperti pembakaran terbuka, pelepasan effluen dari industri dan lain-lain aduan pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Diharapkan dengan keberadaan pihak JAS dapat mengurangkan kadar aduan pencemaran yang diterima bagi menjaga kualiti alam sekitar agar sentiasa berada dalam keadaan baik. Dikesempatan ini juga pihak JAS dapat sentiasa berada di lapangan tanpa mengira waktu dan sentiasa berusaha mendampingi masyarakat setempat dan komuniti agar mereka dapat menyalurkan terus sebarang aduan pencemaran seberapa segera.



OPERASI PENGUATKUASAAN HOTSPOT PEMBAKARAN TERBUKA

16 FEBRUARI 2021 | SELASA — KANGAR

Operasi ini adalah bertujuan untuk menyiasat kes hotspot pembakaran terbuka. Siasatan diadakan pada 16 Febuari 2021 menemukan kebakaran belukar di kawasan Chuping, Perlis. Tindakan akan diambil di bawah Seksyen 29(a) AKAS 1974 mengenai Larangan Ke Atas Pembakaran Terbuka.

Ops ini telah berjaya dilaksanakan dengan meningkatnya pematuhan semasa dan mencapai objektifnya. Siri penguatkuasaan akan terus dijalankan sepanjang masa.



OPERASI BERSEPADU (OPS GERAK) JABATAN ALAM SEKITAR PERLIS

JANUARI—MAC 2021



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan tiga (3) siri Ops Gerak bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah di sekitar negeri Perlis bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Seramai 14 anggota pelbagai agensi terlibat dalam operasi ini.

JAS Perlis telah menjalankan penguatkuasaan bagi pematuhan kawalan pelepasan daripada enjin diesel, petrol dan bunyi bising yang meliputi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.

Sebanyak 173 buah kenderaan pelbagai jenis telah melalui pemeriksaan visual dan daripada jumlah itu sebanyak 29 buah kenderaan telah diuji. Daripada jumlah yang diuji, lapan (8) Notis Arahan Uji Semula Seksyen 48A di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, telah dikeluarkan dan tiga (3) tawaran kompaun dikeluarkan sehingga operasi berakhir jam 1.00 tengah hari. Pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 akan terus dipergiatkan agar pencemaran terhadap alam sekitar dapat dibendung bagi menjaga kelestarian alam sekitar.





OPERASI CATAT DAN KAMERA VIDEO JAS NEGERI PERLIS

8 FEBRUARI 2021 | ISNIN – ARAU

Pasukan Unit Kenderaan Bermotor Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah menjalankan operasi catat dan kamera video di Lebuhraya Kuala Perlis - Changloon.

Operasi bermula jam 10 pagi dan berakhir pada jam 12 tengah hari. Operasi ini melibatkan 2 orang pegawai penguatkuasa JAS Perlis. Operasi ini memberi tumpuan kepada penguatkuasaan pelepasan asap hitam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Sebanyak 47 buah kenderaan diesel pelbagai jenis telah melalui laluan operasi. Pemerhatian secara visual di jalankan di lokasi-lokasi yang telah dipilih dengan menggunakan kamera video bagi merakam kenderaan diesel yang melepaskan asap hitam secara berlebihan di jalanraya. Kenderaan diesel yang dikesan melepaskan asap hitam yang berlebihan akan diarahkan untuk menjalankan ujian semula di PUSPAKOM di bawah Seksyen 48A, AKAS.

Pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan terus dipergiatkan supaya pencemaran terhadap alam sekitar dapat dibendung bagi memastikan kelestarian alam sekitar.

HARI PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK PERINGKAT NEGERI PERLIS

JANUARI—MAC 2021 | SABTU — KANGAR

Kempen Hari Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (BEE) yang telah ditetapkan pada setiap hari Sabtu terakhir setiap bulan telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari penduduk negeri Perlis.

Kempen ini telah dibuat melalui hebahan radio Perlis FM pada minggu terakhir setiap bulan.

Sehingga 31 Mac 2021, JAS Perlis telah berjaya mengumpul sebanyak 451.2 kg BEE bagi suku tahun pertama 2021. Diharapkan jumlah kutipan semakin meningkat bagi suku tahun berikutnya dan menjadikan warga Perlis masyarakat yang sentiasa peka dengan kelestarian alam sekitar dan bebas daripada BEE.



KESEDARAN ALAM SEKITAR: SEKOLAH LESTARI - ANUGERAH ALAM SEKITAR

21 JANUARI 2021 | KHAMIS — BESERI

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perlis telah menerima jemputan ceramah dan pameran daripada Maktab Rendah Sains MARA Beseri bagi berkongsi tajuk “Inovasi dalam Pendidikan Alam Sekitar”.

Sehubungan itu, sesi ceramah telah disampaikan oleh Puan Faiizah Binti Md Arshad, Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar dengan memberi perkongsian dan penekanan kepada aktiviti-aktiviti dan program inovasi yang telah dilaksanakan dalam program Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar semenjak ia dilancarkan pada 2005.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 122 orang guru dan kakitangan MRSM Beseri.



CERAMAH ALAM SEKITAR SEMPENA PROGRAM ISLAH UMMAH DI KUALA PERLIS

MAC 2021 | JUMAAT – KUALA PERLIS



Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis telah berkongsi ilmu dan menyampaikan ceramah selama 30 minit sebelum Solat Jumaat kepada penduduk kariah masjid di sekitar Kuala Perlis. Sebanyak tiga (3) siri ceramah telah diadakan iaitu:

- i. Masjid Abu Bakar As-Siddiq (12 Mac 2021);
- ii. Masjid Al Rahmaniah (19 Mac 2021); dan
- iii. Masjid Al Hussain (26 Mac 2021)

Program anjuran Majlis Agama Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS) ini diadakan untuk memberi pendidikan dan kesedaran berkaitan alam sekitar kepada komuniti setempat.

Ceramah telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis Tuan Azman Shah Bin Ismail. Antara tajuk ceramah yang disampaikan adalah berkaitan pembakaran terbuka, pencemaran air, dan tanggungjawab masyarakat dalam menangani pencemaran.

Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik serta pameran juga dilaksanakan bagi memberi pendedahan tentang kepentingan dalam pengendalian buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah kepada penduduk setempat.

Adalah menjadi harapan program seumpama ini dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada masyarakat setempat khususnya berkaitan alam sekitar.



SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI PERLIS 2021

27 MAC 2021 | SABTU — KANGAR

Bersempena dengan Sambutan Hari Air Sedunia yang disambut serentak pada hari ini Jabatan Alam Sekitar Perlis turut serta bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis bagi menjayakan program pada hari ini. Lokasi sungai yang dipilih adalah Sungai Repoh yang merupakan salah satu dari cabang utama Sungai Perlis.

Pelbagai agensi, badan bukan kerajaan dan Rakan Alam Sekitar yang terdiri daripada komuniti dan pelajar institusi pengajian tinggi turut hadir menjayakan program ini.

Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Negeri Perlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Teh Chai An, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi Alam Sekitar dan turut dihadiri Yang Berhormat Tuan Mohd Amin (Ahli Parlimen Kangar) dan Yang Berhormat Tuan Asrul Nizan (ADUN Sena).

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan oleh JAS Perlis ialah demonstrasi penghasilan bebola lumpur (mudball) kepada komuniti bagi meningkatkan kualiti air sungai. Penerangan telah diberikan tentang cara penghasilan bebola lumpur dan fungsi dan kebaikan penggunaan bebola lumpur bagi peningkatan kualiti air sungai. Lebih 2000 biji bebola lumpur berjaya dihasilkan oleh Rakan Alam Sekitar Perlis sepanjang program ini berjalan.





هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَنِ إِلَّا الْإِحْسَنُ

"Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik,
melainkan balasan yang baik juga?"

AR-RAHMAAN 55:60



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERLIS

Tingkat 2, Bangunan
KWSP, Jalan Bukit Lagi,

Tel: 04-9793100 | Fax: 04-9772822

01000 KANGAR, PERLIS